

# IQRAR



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

اقل

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my

HARI PUSTAKAWAN 2021

LIVE HD

## LIVE@PTAR

**Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan**

PTAR Cawangan Shah Alam - muka 6

**Silence No More**

PTAR Cawangan Rembau - muka 10

**Cat Parenting 101**

PTAR Cawangan Tapah - muka 21

## WEBINAR



**Cyberbully**

PTAR Cawangan Rembau - muka 11

## BICARA HARI PUSTAKAWAN

**Pustakawan Muda & Norma Baharu**

PTAR Cawangan Sarawak - muka 24



# SIDANG REDAKSI

# IQORA'

## PENASIHAT

Ts. Noor Hidayat bin Adnan

## KETUA EDITOR

En. Jamalludin bin Hj. Sulaiman

## EDITOR

Pn. Roslah binti Laman

## PENOLONG EDITOR

Cik Nor Sabariah binti Mansor

## PENYELARAS

Pn. Adlina binti Abdullah

## REKA BENTUK GRAFIK

Pn. Noor Azureen binti Abd. Aziz

## WARTAWAN/WAKIL CAWANGAN

Shah Alam	: Pn. Adlina Abdullah, En. Mohd Alfarabie Mohd Nasir, Pn. Nik Zatihulwani Jamaludin, Tn. Hj. Ahmad Faizar Jaafar, Pn. Siti Salwa Abdul Rahman, En. Abdul Razak Abdul Rahman, Pn. Norazlin Mohd. Yusof, Pn. Nurul Farihah Sarmin Panut, Pn. Nor Hafizah Md. Hanafiah, Pn. Noredayu Rosli, Pn. Azian Azis
Melaka	: Cik Hazlin Ibrahim Khan, Pn. Siti Haidah Md Aziz & Cik Ilya Nur Fateen Othman
Perlis	: Cik Nor Azrina Kassim
Sabah	: Cik Marlia Yuming
Kedah	: Pn. Noor Azlin Abdullah
Pulau Pinang	: Pn. Rafidah Muhamad Sam, Pn. Nor Azilawati Mohamad Azmi, Pn. Nurhayati Hassan
Kelantan	: En. Muslim Ismail @ Ahmad
Perak	: En. Mohd Azim Ansori, Cik. Nur Dayana Mohd Narwawi
Sarawak	: Pn. Hapsah Suut
Pahang	: Pn. Norfitriah Mat Seman, En. Roshairi Che Razali, En. Mohd Anwar Hassim
Terengganu	: En. Mohd Shahnizam Mat Zain, Pn. Asmahani Abdullah
Johor	: Pn. Siti Rozana Mat Sanat, Pn. Nor Azelea Mohd Azahar
N. Sembilan	: En. Syaiful Hisyam Saleh, En. Mohd Hafiz Kasirun & Pn. Nur Rabita Rouzan
Selangor	: Pn. Nurul Diana Jasni, Pn. Nur Fatimah Muhamad, Pn. Nur Aina Amira Rasidi, Pn. Wan Rohani Wan Chin



## PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),  
Universiti Teknologi MARA,  
40450, Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan.

## KEKERAPAN KELUARAN

12 Keluaran Setiap Tahun

ISSN NO : 2735-1920



Untuk menonton  
semula:



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam dengan kerjasama Pejabat Kursi Institusi Raja-Raja Melayu (KIRRM) UiTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung dalam segmen Bicara Pakar dengan tajuk Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan. Program ini telah dikendalikan oleh Encik Mohd Nazrul Mohd Amin, felo di KIRRM selaku moderator bersama panel jemputan, Profesor Datuk Dr. Shamrahayu Ab Aziz, Penyandang, Kursi Raja-Raja Melayu UiTM Shah Alam.

Sesi perkongsian ilmu ini dimulakan dengan pengenalan Islam dalam perlembagaan persekutuan. Islam merupakan agama dalam perlembagaan persekutuan di Malaysia sebagai asas bagi keseluruhan pentadbiran dan sistem yang ada dalam negara ini. Islam dalam perlembagaan adalah satu isu yang penting yang berkait rapat dengan kepercayaan dan pegangan kebanyakan masyarakat di Malaysia. Dalam Perkara 3 mengimbangi peruntukan bahawa Islam adalah agama persekutuan namun pada masa yang sama juga memberikan hak kepada orang bukan Islam untuk mengamalkan agama mereka dengan aman dan damai.

Menurut Prof. Shamrahayu, Perkara 3 juga menjelaskan kedudukan Raja-Raja sebagai ketua agama di negeri-negeri melainkan negeri yang tidak mempunyai raja. Manakala bagi sesuatu perkara yang meliputi seluruh persekutuan yang berkaitan dengan Islam, maka Yang di-Pertuan Agong akan mewakili Raja-Raja setelah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja. Di samping kedudukan Raja-Raja, Perkara 3 juga menyentuh tentang Yang di-Pertuan Agong adalah ketua agama Islam bagi negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Seterusnya, Perkara 3 menyatakan bahawa bagi Wilayah Persekutuan, Parlimen boleh membuat undang-undang berkenaan dengan hal ehwal Islam dan menubuhkan Majlis bagi menasihati Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan hal ehwal agama Islam. Bersamaan dengan Perkara 3 ini, semua negeri dalam persekutuan kecuali Sarawak juga telah menjadikan Islam sebagai agama negeri.

Dalam pada itu, Prof. Shamrahayu juga memberitahu 3 perkara penting yang perlu ada dalam menjaga agama Islam dalam sesebuah negara iaitu yang pertama ialah 'kemahuan' (will) iaitu kemahuan dalam memelihara kesucian agama Islam dalam perlembagaan Malaysia. Disusuli dengan 'pengetahuan' (knowledge) yang mengetahui undang-undang tertinggi negara dan memahami Islam dengan lebih mendalam serta membawa Islam ke landasan yang betul. Manakala yang ketiga adalah kuasa (power), iaitu kuasa menegakkan agama Islam dengan betul.

Prof. Shamrahayu Ab Aziz berharap agar setiap daripada kita mempraktikkan 1 rakyat 1 buku perlembagaan dan semoga perkongsian pada kali ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat di Malaysia khususnya untuk warga UiTM.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

Unit Penerbitan dan Pemasaran,  
Bahagian Komunikasi Korporat,  
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),  
UiTM Shah Alam.

**No. Tel: 03-5544 3731**



ISO 9001:2015 No. 5911/0048803

**UiTM** *di hatiku*

**PTAR**

"LIBRARY for ALL"